



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	JOHOR NAFI TELUR TERCEMAR DARI SINGAPURA DI PASARAN, NASIONAL, BH -17 JOHOR NAFI TELUR AYAM TERCEMAR BAKTERIA DIJUAL SEMULA, NEGERI, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BELIAN PANIK ANTARA PUNCA BEKALAN TERJEJAS, NASIONAL, BH -17 BEKALAN TELUR AYAM MENCUKUPI, NEGERI, SH -28 PERCUBAAN KALI KEDUA BAWA HASIL, LOKAL, HM -18 PENTERNAK AYAM DIANIAYA PEMBEKAL?, DALAM NEGERI, UM -29 ECONOMIC ANALYST URGES GOVERNMENT TO MAKE EGG PRICES FLOAT TO SOOTHE SHORTAGE, CHINA PRESS -ONLINE PENIAGA DISARAN HAD PENJUALAN TELUR, NEGARA, KOSMO -13 RISDA NEGERI SEMBILAN JAYAKAN PJMKM, NEGERI, SH -25 SUFFICIENT FOOD ITEMS FOR DEEPAVALI: MINISTER, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 MINISTRY SAYS CHICKEN EGG SUPPLY SUFFICIENT NATIONWIDE, NEWS, NST -6 MINISTRY ASSURES SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD FOR DEEPAVALI, NATION, THE STAR -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Johor nafi telur tercemar dari Singapura di pasaran

Jabatan veterinar negeri tidak terima aduan, terus tingkat pemeriksaan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan Johor menafikan dakwaan tular di media sosial kononnya telur ayam tercemar mengandungi bakteria yang ditolak Singapura, dijual semula di pasaran negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, berkata sekiranya benar telur ayam itu disahkan tercemar di Singapura, ia tidak akan dipulangkan ke negara ini, sebaliknya akan dilupuskan

di republik itu.

Malah, katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) belum menerima aduan daripada orang awam mahu pun Jabatan Veterinar Negeri Johor (JVNJ) mengenai telur ayam tercemar dijual di pasaran negeri ini ketika ini.

"Tabap keselamatan di Singapura adalah lebih ketat berbanding di Malaysia. Saya nak maklumkan, sekiranya mengikut laporan dari Singapura mungkin ada aduan telur kita tercemar, barang-barang itu tidak dipulangkan kepada Malaysia.

"Orang ramai beranggapan telur tercemar itu akan dipulangkan kepada Malaysia untuk dijual di pasaran sini, terutama negeri ini, itu tidak benar sama sekali. Bahkan, ia akan terus dilupuskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada sidang media selepas merasmikan Pertandingan Kolir Kebangsaan di Auditorium RTM

Singapura tarik balik telur dicemari SE dari Malaysia



Keratan akhbar BH Ahad 16 Oktober.

Johor, di sini, semalam.

Tular di media sosial

Sabtu lalu, Agensi Makanan Singapura (SFA) dilaporkan mengarahkan telur yang diimport dari sebuah ladang di Malaysia ditarik balik selepas mengesan Salmonella Enteritidis (SE) dalam produk terbahit.

Memetik laporan CNA, telur berkenaan dibekalkan Teo Seng Layer Farm 1 dengan dikenal pasti melalui kod 'CEJ027' yang tertera pada kulitnya.

Baru-baru ini, tular di media

sosial yang mengingatkan orang awam untuk berhati-hati sekiranya lambakan bekalan telur di pasaran di Johor Bahru.

Orang ramai turut diingatkan untuk tidak membeli telur 'reject' dari Singapura yang telah dicemari bakteria SE.

Dalam pada itu, Tian Soon berkata, JVNJ akan mengambil langkah proaktif dengan lebih kerap membuat pemeriksaan susulan laporan telur tercemar berkenaan.

Katanya, JKNJ belum menerima sebarang aduan daripada orang awam atau pun daripada JVNJ.

"Bagi pemeriksaan tahap keselamatan makanan, JVNJ akan membuat pemeriksaan secara berkala yang kerap di setiap reban yang membuat ternakan ayam dan telur ayam.

"JVNJ akan mengambil sampel daripada reban untuk membuat pemeriksaan mengikut piawai tersendiri," katanya.

Belian panik antara punca bekalan terjejas

Kuala Berang: Kerajaan memberi jaminan bekalan telur ayam mencukupi dan pengguna diminta tidak membuat pembelian panik bagi mengelak gangguan terhadap rantalan bekalan di setiap kawasan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata jaminan itu diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam mesyuarat yang diadakan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), baru-baru ini.

Katanya, berdasarkan aduan, kekurangan bekalan termasuk ayam dan telur ketika ini berlaku di negeri Pantai Timur.

"MAFI memaklumkan jangnan risau. Ada sedikit pembelian panik menyebabkan bekalan terganggu dan apa yang kita harap jaminan yang diberikan oleh MAFI akan dapat direalisasikan sama ada dalam tempoh kawalan skim perayaan ini ataupun selepas tempoh kawalan.

"Seperti yang saya sebut tadi, ada pembelian panik. Jadi, apabila berlaku pembelian panik, ia akan mengganggu rantalan bekalan.

"Jadi caranya hadkan pembelian, terutama telur. Kita harap ini akan sedikit sebanyak dapat dihalang sama banyak kepada pengguna," katanya pada sidang



Rosol (dua dari kanan) meninjau bekalan telur ayam selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di Kuala Berang, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

media selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di sini, semalam.

Kawalan harga terlahi lama

Rosol berkata, ada pengusaha membuat kuli di daerah ini yang mana sudah dua minggu tidak membuat kuli kerana kekurangan telur, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

Katanya, masalah kekurangan

telur dan ayam di Pantai Timur dipercayai berpunca daripada kawalan harga maksimum yang terlahi lama oleh kerajaan dan sumber bekalan diperolehi dari Pantai Barat.

Sehubungan itu, beliau berharap Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dapat bermesyuarat segera untuk membincangkan jalan penyelesaian bagi menangani isu yang membebankan rakyat itu.

"Maklumat ini kita terima daripada industri yang mendakwa kerajaan mengawal harga terlahi lama. Ia menyebabkan industri terkesan, sekali gus menyebabkan kemasukan bekalan ayam dan telur bermasalah.

"Kesannya paling ketara di Pantai Timur kerana sumber bekalan makanan protein ini datang dari Pantai Barat seperti Melaka, Johor dan Perak," katanya.



KLIK

Seramai 34 orang penuntut Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah mengadakan lawatan ke Kumpulan Karangkraf. Lawatan diketuai peneraja pengiring, Mohd Fitri Yusoff dan pengarah program, Cik Azmeera Muntaz Alias.

Johor nafi telur ayam tercemar bakteria dijual semula

JOHOR BAHRU

Kerajaan negeri Johor menafikan terdapat telur ayam tercemar mengandungi bakteria yang ditolak Singapura, dijual semula di pasaran di negeri ini sebagaimana yang tular di media sosial baru-baru ini.

Menurut Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon, berdasarkan situasi sekiranya terdapat telur ayam tercemar di republik itu, ia tidak akan dijual sebaliknya akan terus dilupuskan.

Setakat ini, Jabatan Kesihatan Negeri Johor belum menerima sebarang aduan daripada orang awam mahu pun Jabatan Veterinar Negeri Johor (JVNJ) mengenai telur ayam tercemar dijual di sini.

"Tahap keselamatan di Singapura lebih ketat berbanding di Malaysia. Saya nak maklumkan, sekiranya mengikut laporan daripada Singapura mungkin ada aduan telur kita tercemar, barang-barang itu tak pulang kepada Malaysia.

"Orang ramai beranggapan telur tercemar itu akan dipulangkan kepada Malaysia untuk dijual di pasaran sini, itu tidak benar sama sekali bahkan telur itu ia akan terus dilupuskan," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Pertandingan Koir Kebangsaan di Auditorium RTM Johor di sini pada

“

Orang ramai beranggapan telur tercemar itu akan dipulangkan kepada Malaysia untuk dijual di pasaran sini, itu tidak benar sama sekali bahkan telur itu ia akan terus dilupuskan.”



TIAN SOON

Khamis.

Memetik laporan CNA pada Sabtu lalu, Agensi Makanan Singapura (SFA) mengarahkan telur yang diimport dari sebuah ladang di Malaysia ditarik balik selepas mengesan *Salmonella Enteritidis* (SE) dalam produk tersebut.

Baru-baru ini, tular di media sosial yang mengingatkan orang awam untuk berhati-hati sekiranya berlaku lambakan telur di pasaran di Johor Bahru.

Orang ramai turut diingatkan untuk tidak membeli telur reject dari Singapura yang telah dicemari bakteria SE.

Tian Soon berkata, JVNJ akan mengambil langkah proaktif dengan lebih kerap membuat pemeriksaan susulan laporan telur tercemar tersebut.

"JVNJ telah mengambil langkah berjaga-jaga untuk lebih kerap lagi mengambil sampel dengan lebih banyak bagi membuat pemeriksaan supaya produk tersebut memenuhi syarat keselamatan makanan negara," ujarnya.

Bekalan telur ayam mencukupi

Tiada kegiatan sorok berlaku, KPDNHEP terus lakukan pemantauan

NILAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan telur ayam di seluruh negara mencukupi meskipun beberapa kawasan ketika ini mengalami kekurangan kuantiti makanan tersebut.

Menurut Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd Yusof, pihaknya sentiasa memantau bekalan telur ayam di pasaran selain turut bekerjasama dengan beberapa Kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhubung perkara itu.

Bellau berkata hasil pemantauan pihaknya turut mendapati tiada aduan diterima berhubung kes sorok bekalan telur ayam oleh mana-mana pihak khususnya peniaga setakat ini dan tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya wujud kegiatan terbahit.

"Saya ke beberapa negeri termasuk Melaka, Johor, Terengganu dan Langkawi. Memang ada sedikit isu tentang kuantiti tidak mencukupi tetapi bekalan ada.

"Ada yang saya lihat jualan sebelah pagi dah selesai; petang isi semula, ini menunjukkan kita masih ada bekalan yang baik.

"Malah, saya turut berhubung dengan Ketua Setiausaha MAFI dan pegawai kita

“

Saya ke beberapa negeri termasuk Melaka, Johor, Terengganu dan Langkawi. Memang ada sedikit isu tentang kuantiti tidak mencukupi tetapi bekalan ada.”

- Azman

pada Khamis ada perbincangan teknikal dengan beberapa Kementerian bagi memastikan bekalan telur ayam cukup untuk pasaran pengguna. Jadi, krisis secara menyeluruh dengan hampir semua bekalan terputus tidak berlaku," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau bekalan barangan makanan di sebuah pasar raya sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali, di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Azman berkata faktor kekurangan kuantiti bekalan telur ayam di kawasan tertentu kemungkinan berikutan masalah pembayaran, pengangkutan, logistik dan lokasi yang jauh menyebabkan penghantaran bekalan sedikit terganggu.

Bellau turut berharap mana-mana pemain industri bekerjasama dengan kerajaan dalam memastikan bekalan makanan khususnya barangan basah mencukupi di pasaran dengan harga berpatutan terutama menjelang Deepavali. - Bernama



Azman (kanan) meninjau bekalan dan harga telur ayam pada program SHMMP sempena Deepavali, di sebuah pasar raya di Nilai pada Khamis.

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Tidak ramai berani mencuba menjadi petani berjaya dan dua sahabat ini boleh dijadikan rujukan selepas usaha mereka menanam cili secara fertigasi dengan merujuk Facebook serta YouTube, membuah hasil lumayan.

Mohamad Nafis Ahmad, 29, dan Wan Mohammad Afiq Wan Zainalabidin, 22, menjadikan kegagalan lalu selain sindiran individu tertentu sebagai penguat semangat untuk berjaya.

Menurut Mohamad Nafis yang juga bekas jurujual kereta, dia dan Wan Mohammad Afiq juga tidak malu merujuk serta mendapatkan ilmu daripada petani yang mengusahakan tanaman cili di sekitar Marang.

"Idea menanam cili secara fertigasi hadir selepas berhenti kerja iaitu ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ketika PKP, saya melakukan pelbagai pekerjaan seperti menjual tudung serta ikan bilis selain ejen produk namun semuanya tidak bertahan lama," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, mereka kemudiannya membuat keputusan mencuba bidang pertanian dengan menanam cili.

Mohamad Nafis berkata, mereka turut disindir selain dipandang rendah pada awal pembabitatan namun tidak berkecil hati.

"Kami diberikan sebidang tanah di Kampung Batu 9, Bukit Payong, Marang sebelum memulakan projek menanam cili fertigasi ini.

"Bagaimanapun, usaha sulung kami ini menemui kegagalan apabila tanaman rosak dimakan kulat, malah kami kerugian lebih RM10,000," katanya.

Mereka kemudiannya mencuba buat kali kedua di atas tanah berkeluasan 0.3 hektar di Kampung Bukit Bayas dan ia membuah hasil.



USAHAWAN CILI SAKATA

Percubaan kali kedua bawa hasil

MOHAMAD Nafis (kanan) menimbang cili untuk dijual kepada pembeli di Kampung Bukit Bayas, Kuala Terengganu di sini. - Gambar NSTP/FAIZUL AZLAN RAZAK

"Sebanyak 1,300 pokok cili ditanam dalam polibeg dan kami sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan tanaman tidak rosak dan setakat ini, ia membuah hasil yang bagus," katanya.

Sementara itu, Wan Mohammad Afiq berkata, mereka memulakan tanaman cili itu pada September lalu dengan menggunakan benih Sakata dari Jepun malah sudah mula memetikinya secara berperingkat untuk dipasarkan.

Katanya yang tinggal di

Kampung Kubang Ikan, Chendering, selepas sebulan, lebih 600 kilogram (kg) cili sudah dipetik dan dijual kepada pemborong, pasar raya, pengusaha restoran, pengusaha sate ikan selain penduduk sekitar.

"Ia dijual berdasarkan gred iaitu RM10 hingga RM12 untuk harga borong manakala RM12 hingga RM15 untuk harga runcit.

"Kami jangkakan hasil cili yang diusahakan ini melebihi satu tan metrik. Syukur kerana penat lelah kami membuah hasil,"

katanya.

Penuntut jurusan Ijazah Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka, Pahang itu berkata, dia membuat keputusan menangguhkan pengajian buat sementara bagi menumpukan usaha kepada projek penanaman berkenaan.

"Kami berhasrat memperluaskan lagi pasaran ke luar Terengganu dan setakat ini, sudah ada permintaan daripada pemborong di Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur," katanya.



WAN Mohammad memetik cili di kebun di Kampung Bukit Bayas. Gambar kanan, Mohamad Nafis (kiri) dan Wan Mohammad menunjukkan hasil cili yang ditanam mereka.

21/10/2022

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Penternak ayam dianiaya pembekal?

Oleh FAHMI FAIZ

utusanews@mediamajlia.com.my

PETALING JAYA: Industri ternakan ayam yang tidak diselia kerana kegagalan menubuhkan lembaga khas bagi memantau ekosistemnya, mengakibatkan penternak kontrak mengeluh kerana sering menerima bekalan anak ayam yang tidak berkualiti.

Sumber persatuan ternakan ayam kontrak mendedahkan, pembekal tidak ambil peduli kategori induk ayam atau *parent stock* yang digunakan untuk menghasilkan anak ayam, asal kan mereka boleh membuat keuntungan.

Hal ini kata sumber, mengakibatkan kerosakan dalam rantai bekalan ternakan itu, apabila penternak kontrak gagal membela ayam dengan baik dan sekali gus mengurangkan bekalan.

Kata sumber, apabila bekalan ayam kurang di seluruh negara,

ia mendorong syarikat-syarikat gergasi ternakan memeras kerajaan menuntut subsidi, seterusnya mengaut kebanyakannya subsidi tersebut dan hanya menyalurkan sedikit sahaja kepada penternak kontrak.

Malah sumber mendakwa, pihaknya yang mewakili penternak kontrak seluruh negara kesal apabila agensi yang dipertanggungjawabkan dalam urusan ini, seakan-akan 'tutup mata' dan tidak mengendahkan keluhan mereka.

Dakwa sumber, dalam sebuah agensi kerajaan tidak membela nasib penternak kontrak, malah berkata bahawa industri ayam adalah satu perniagaan dan pihaknya tidak boleh berbuat apa-apa.

"Kenapa setelah berbilion-bilion subsidi diberi, tapi isu bekalan ayam masih tak selesai? Pertama, tempoh hari yang jadi ayam murah sekejap, bukannya sebab bekalan ayam dalam Malaysia yang menampung,

makanan ayam. Tapi ada pihak agensi sewaktu dalam mesyuarat bersama kami, dia cakap ini isu perniagaan, jadi kita tak boleh nak buat apa," keluh sumber.

Sumber berkata, bagi isu kualiti anak ayam yang dibekalkan kepada penternak kontrak, secara asasnya kerajaan dibekalkan maklumat tentang baka anak ayam yang dihantar oleh pembekal ke ladang ternakan kontrak.

Namun malangnya, sumber mendakwa tiada pemantauan dan akta khusus yang boleh digunakan bagi memantau kualiti anak ayam tersebut.

"Baka ini apabila masuk ke ladang, kerajaan sudah ada rekod. Pesanan *parent stock* untuk menghasilkan anak ayam itu pada berapa hari bulan.

"Tapi apabila *parent stock* itu sudah sampai had umur tua, syarikat pembekal anak ayam DOC masih lagi menggunakannya un-

tuk bertelur. Di pihak pembekal anak ayam ini, baka ibu tua atau ibu muda, mereka peduli apa?, mereka jual saja," kata sumber.

Menjelaz lanjut sumber berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar sepatutnya mewujudkan mekanisme yang memantau secara ketat kualiti bekalan anak ayam, kerana kegagalan penternak kontrak mendapatkan bekalan yang berkualiti pasti akan menjejaskan penghasilan anak ayam sekali gus mengurangkan bekalan seluruh negara.

"Kualiti anak ayam daripada ibu muda, ibu pertengahan dan ibu yang hampir *menopause*, berbeza. Sebab itu kita gredkan anak ayam mengikut gred A, B dan C.

"Malangnya ramai dalam kalangan penternak kontrak tak tahu perkara ini. "Anak ayam yang bagus dari ibu muda dan pertengahan, purata beratnya adalah 42 sampai 43 gram seekor, kata sumber berkenaan.

Headline	Economic analyst urges government to make egg prices float to soothe shortages		
MediaTitle	China Press		
Date	21 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,746



讓蛋價浮動紓緩短缺 經濟分析師促政府

（吉隆坡20日讯）经济分析師旺阿茲拉英促請政府，仔細考慮讓雞蛋價格浮動的建議，因為如果雞蛋價格持續受控，雞蛋供應就無法改善。

他說，雞蛋價格浮動，對消費者和供應商而言是雙贏的舉措，最終將減少政府提供補貼的財務負擔。

“根據農業及食品工業部看守部長拿督斯里羅南建迪的說法，從今年2月至9月，政府在肉雞和雞蛋補貼耗費12億3300萬令吉。

據“自由今日大馬”報導，也是MATA Aerotech總執行長的旺阿茲拉英強調，補貼只是一種“治標不治本”的措施。



■ 旺阿茲拉英

他認為，政府應即刻尋找可持續的長期解決方案，確保養雞行業能保持競爭力和穩定；而有關方案必須在消費者的負擔能力，以及養雞業者的供應能力之間取得平衡。

他補充，國家糧食安全議程，必須成為相關利益者的優先事項。

10月7日，政府宣布將A、B和C級雞蛋的補貼價格，從每粒3仙提升至8仙，意味著政府每個月承擔的雞蛋補貼費用提升到9000萬令吉。

Bekalan cepat habis ekoran pembelian panik Peniaga disaran had penjualan telur

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggalakkan peniaga agar menghadkan penjualan telur ayam kepada pelanggan buat sementara waktu bagi mengatasi isu kekurangan bekalan pada waktu ini.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu bagi menstabilkan semula bekalan barangan keperluan berkenaan yang sedikit terjejas disebabkan pembelian panik.

Menurutnya, kementeriannya menerima aduan pengguna tentang kekurangan bekalan telur ayam terutama di Pantai Timur sejak dua minggu lalu.

"Begitupun, maklum balas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberitahu pengeluaran telur ayam di peringkat pengeluar tempatan sebenarnya masih mencukupi.

"Sedikit gangguan bekalan di beberapa tempat pada masa ini lebih disebabkan pembelian pa-



KERATAN Kosmo semalam.

nik pengguna," katanya.

Kosmo semalam melaporkan sebuah kedai pemborong telur di Chukai, Kemaman diserbu pelanggan sehingga bekalan 93,000 biji telur ayam habis dijual dalam tempoh tidak sampai tiga jam.

Ramai pelanggan dari seluruh Terengganu dan Kuantan, Pahang sanggup beratur seawal pukul 7 pagi bagi membeli telur ayam yang dihadkan antara dua hingga lima papan setiap orang.

Rosol berkata, langkah menghadkan penjualan telur ayam boleh menstabilkan semula rang-

kalan bekalan di kawasan terke-
san dan pendekatan sama juga
adil bagi memastikan agihan
saksama dan lebih meluas dalam
kalangan pengguna.

"Pada masa sama, saya ber-
harap Pasukan Khas Jihad Tan-
gani Inflasi dapat kembali ber-
sidang segera bagi mengatasi
masalah ini," katanya.

Rosol berkata, penyelesaian
jangka panjang perlu dilakukan
segera demi kebajikan pengguna
selain tidak dimanipulasi pem-
bangkang untuk modal politik
pada Pilihan Raya Umum Ke-15.



ROSOL (dua dari kanan) meninjau harga dan bekalan telur ayam pada Majlis Pelancaran Skim Harga Maklimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

RISDA N. Sembilan jayakan PJMKM

RM4.5 juta
peruntukan bagi
keseluruhan Negeri
Sembilan

Oleh NORAFIDAH ASSAN



Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebut Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Negeri Sembilan dipilih sebagai agensi pelaksana Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) di peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta Dewan Undangan Negeri (DUN). Pengerusi RISDA, Datuk Seri

Mohd Salim Mohd Sharif berkata, tekanan ekonomi dan inflasi yang berlaku secara global ini adalah disebabkan oleh pandemik Covid-19.

"Dalam proses pemulihan ekonomi, kenaikan harga barangan yang berlaku telah menyebabkan keresahan kita semua terutamanya rakyat dalam kumpulan B40.

"Justeru, kerajaan menyediakan inisiatif melalui program di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan melaksanakan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia yang bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup Keluarga Malaysia," katanya pada program berkenaan pada Khamis.

Beliau berkata, PJMKM peringkat negeri mula dilaksanakan pada 20 Ogos sehingga 31 Disember tahun ini dan 31 DUN telah berjaya melaksanakan program berkenaan.



Mohd Salim (dua dari kanan) turut menyerahkan sumbangan kotak makanan MAFT kepada penerima.

"Program sebegini sangat ditunggu-tunggu oleh masyarakat setempat pada setiap minggu kerana ia menawarkan pengurangan harga barangan keperluan harian sehingga 20 peratus berbanding harga pasaran semasa dengan sasaran kepada golongan berpendapatan rendah.

"Pada hari ini sahaja, sebanyak 13 jenis barangan keperluan harian utama yang mendapat potongan harga

Industri Makanan (MAFI) dan RISDA yang bernilai RM 100 bagi setiap penerima.

Ujarnya, penyampaian sumbangan itu juga adalah bukti bahawa hubungan RISDA dan pekebut kecil memang tidak dapat dipisahkan dalam menjayakan agenda pembangunan negara melalui industri getah.

"Sebagai sebuah agensi kerajaan yang menjadi peneraju kepada kemakmuran komuniti pekebut kecil, RISDA sentiasa berusaha dari semasa ke semasa memastikan kehidupan komuniti pekebut kecil berada pada tahap yang lebih baik," kata Mohd Salim.

PJMKM Palong telah mula beroperasi pada 6 Oktober lalu dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 8 Oktober lepas di Dataran Bandar Seri Jempol bersempena Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Sembilan.

Sufficient food items for Deepavali: Minister

KUALA BERANG: The supply of food and other essential items for the Deepavali celebration is sufficient, said Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs caretaker Minister Datuk Rosol Wahid.

He said the assurance was given to him by the Agriculture and Food Industries Ministry during a meeting between the two ministries recently.

He added that the items include chicken and

eggs, that are said to be experiencing a supply issue, especially in east coast states.

"We received complaints about the shortage of eggs and chicken in Terengganu and Kelantan. As such, we are hoping that the Agriculture and Food Industries Ministry can make good on their assurance for the sake of the people," he said after launching the "Deepavali Festival Maximum Price Scheme" yesterday.

Rosol said the supply shortage of eggs and

chicken in the east coast is believed to be due to prolonged enforcement of maximum price controls by the government and supply sources coming from the west coast.

He expressed hope that the Special Task Force on Jihad Against Inflation can immediately discuss a solution to the problem.

"We have received information from the industry claiming that the government was controlling the price for too long. It affected the

industry, causing issues in the supply of chicken and eggs."

Meanwhile, 14 items including live and standard chicken and super chicken, Grade A, B and C chicken eggs, and bone-in imported mutton have been listed as controlled items for the Deepavali period between Oct 20 and 26.

"Other items that are also listed are tomatoes, red chillies, coconut, grated coconut, shallots, imported large onions and lentils." - Bernama

PROBLEMS ONLY IN CERTAIN AREAS

Ministry says chicken egg supply sufficient nationwide

NILAI: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has given its assurance that despite shortages in several areas as reported, there is sufficient supply of chicken eggs nationwide.

Its secretary-general, Datuk Azman Mohd Yusof, said the ministry was continuously monitoring the supply of chicken eggs in the market and working with several ministries, including the Agriculture and Food Industries Ministry.

He added that no complaints

had been received on hoarding of chicken eggs by any party, especially traders, and legal action would be taken against those who are involved in such activities.

"I have also been in touch with the Agriculture and Food Industries Ministry secretary-general and our officers are having technical discussions with several ministries today (yesterday) to ensure that there is an adequate supply of eggs in the consumer market."

He was speaking to reporters

after inspecting the supply of food items at a supermarket in conjunction with the Deepavali Festival Maximum Price Scheme, effective Oct 20 to Oct 26.

Azman said the lack of supply for chicken eggs in a particular area was probably due to problems with payment, remote location, transport and logistics, which easily disrupts delivery.

He also hoped that industry players would cooperate with the government to ensure an adequate supply of food in the mar-

ket at reasonable prices, especially ahead of Deepavali.

On a separate matter, Azman said 708,230 business premises were inspected nationwide and action was taken against 9,421 for various offences, with items worth RM93.86 million seized from January to September this year.

He said the ministry also disclosed of various confiscated items worth RM 24.61 million during the same period. **Berna-**



Datuk Azman Mohd Yusof

Ministry assures sufficient supply of food for Deepavali

KUALA BERANG: The supply of food and other essential items for the Deepavali celebration is generally sufficient, says Datuk Rosol Wahid.

The Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister said the goods included chicken and eggs, which are said to be experiencing a supply issue, especially in the east coast states.

He said the assurance was given to him by the Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) during a meeting between the two ministries recently.

"We did receive complaints about

the shortage of eggs and chicken in Terengganu and Kelantan.

"As such, we are hoping that MAFI can make good on their assurance for the sake of the people," Rosol said after launching the Deepavali Festival Maximum Price Scheme here yesterday, Bernama reported.

He added that the shortage of eggs and chicken in the east coast was believed to be due to prolonged enforcement of maximum price control by the government and supply sources coming from the west coast.

Following that, he hoped that the

Special Task Force on Jihad Against Inflation could immediately meet to discuss a solution for the problem.

"We have received information from the industry claiming that the government was controlling the price for too long.

"It caused the industry to be affected, thus causing issues in the supply of chicken and eggs," he said.

Meanwhile, 14 items including live and standard chicken, super chicken, grade A chicken eggs, grade B chicken eggs, grade C chicken eggs and bone-in imported mutton have been listed under con-

trolled items for the Deepavali celebration, effective Oct 20 to 26.

"Other items that are also listed are tomatoes, red chillies, coconut, grated coconut, shallots, imported large onions and lentils," he added.

In Nilai, Negri Sembilan, the ministry's secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said that so far, no complaints had been received on hoarding of chicken eggs by any parties, especially traders. He warned that legal action would be taken against those found involved in such activities.

"I have also been in touch with the MAFI secretary-general and our

officers are having technical discussions with several ministries today to ensure that there is an adequate supply of eggs in the consumer market," Bernama quoted him.

He was speaking to reporters after inspecting the supply of food items at a supermarket in conjunction with the Deepavali Festival Maximum Price Scheme, effective Oct 20 to 26.

Azman said the lack of supply for chicken eggs in a particular area was probably due to problems with payment, remote location, transport and logistics, which would easily disrupt delivery.